

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA KP29**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

GRED JAWATAN/GAJI : KP29

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh kerajaan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,493.00);
atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh kerajaan

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,493.00);
atau
 - (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,493.00);
atau
 - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,770.95);
atau
 - (v) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,846.15

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu.
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.